

Penduduk bantah pembinaan kolam tadahan atasi banjir di Rawang

Mahu sungai diselenggara

Oleh SITI AINIZA KAMSARI
kota@utusangroup.com.my

RAWANG 16 Jan. - Penduduk dan pengusaha ternakan di Batu 23, Jalan Batu Arang-Rawang di sini membantah cadangan pembinaan sebuah kolam tadahan bagi mengatasi banjir kilat di kawasan itu.

Menurut penduduk, lokasi yang dicadangkan itu bukan sahaja tidak sesuai kerana berada di kawasan tanah tinggi, tetapi juga bukan kawasan yang menjadi punca kepada berlakunya kejadian banjir kilat itu.

Sehubungan itu mereka meminta Pejabat Tanah dan Galian Gombak dan Majlis Perbandaran Selangor (MPS) mempertimbangkan semula cadangan itu dan melihat beberapa lokasi lain yang lebih sesuai dan strategik.

Mereka juga mahu pihak bertanggungjawab mencari punca berlakunya banjir kilat di Kampung Sungai Bakau sehingga menenggelamkan jalan utama Jalan Batu Arang-Rawang, baru-baru ini dengan segera.

Dakwa penduduk banjir kilat di kawasan itu berpunca daripada tekanan air tinggi setiap kali hujan sehingga menyebabkan limpahan air kesan daripada pertembungan dua anak sungai di Batu 24, Jalan Batu Arang-Rawang berdekatan Bandar Country Homes.

Seorang penduduk, **Chong Kim Loy**, 60, berkata kegagalan pihak bertanggungjawab menyelenggara dua batang anak sungai di belakang kawasan lot kedai dan perniagaan di Bandar Country Homes di situ menjadi punca air sungai naik melimpah setiap kali hujan lebat.

Menurutnya, turut menyumbang



WALAUPUN kejadian banjir kilat hampir sebulan berlalu, runtuhan tebing sungai di Batu 23, Jalan Batu Arang-Rawang, Selangor masih belum diperbaiki sehingga kini.

kepada punca banjir kilat di situ kerja-kerja pembangunan projek perumahan di kawasan berhampiran.

"Kami percaya masalah pertembungan dua aliran anak sungai di sini dapat diatasi sekiranya kolam tadahan dibina di kawasan berhampiran.

"Malah di kawasan ini terdapat dua buah kolam yang mampu berfungsi sebagai tebatan banjir dan ia juga mudah bagi air keluar dan masuk," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Kim Loy berkata, kawasan yang dicadangkan itu juga tidak melibat-

kan mana-mana pemilik tanah kerana ia merupakan rezab sungai.

"Selain tekanan hasil pertembungan dari dua batang sungai, aliran air ke Sungai Gong menjadi lebih teruk lagi apabila ia terpaksa melalui sebuah kilang yang aliran airnya perlahan dan tercemar," katanya.

Tambahnya, sehingga ke hari ini pihaknya tidak pernah didatangi oleh mana-mana pihak berkuasa tempatan bagi cadangan pelebaran atau baik pulih tebing sungai berhampiran premisnya itu.

"Kami sedia memberikan laluan bagi tujuan penyelenggaraan ma-



SEORANG pengusaha lembu melihat kesan lumpur akibat banjir kilat di Kampung Sungai Bakau, Jalan Batu Arang-Rawang, baru-baru ini.

hupun penglebaran sungai di sini bagi tujuan melancarkan aliran air sungai.

"Masalah banjir kilat tetap berulang jika punca sebenarnya tidak dicari dan diperbaiki terlebih dahulu," katanya.

Menurutnya, setiap kali hujan lebat dan banjir kilat kilangnya benar-benar terjejas.

"Kami terpaksa membersihkan bertant-tan sampah yang tersangkut di sungai yang mengalir di tengah-tengah kilang kami ini.

"Kami terpaksa membersihkan sendiri terutamanya batang-batang kelapa sawit yang dibawa oleh air

sungai deras setiap hujan lebat dari kawasan projek perumahan tersebut," katanya.

Seorang lagi penduduk, **Datuk A. Balakrisnan**, 40-an melahirkan rasa kesal dengan sikap pemaju yang tidak membina perangkap lumpur sebelum memulakan projek.

Menurutnya, jika perangkap itu dibina ia sudah tentu banjir yang disertai lumpur dapat dicegah.

"Mereka sepatutnya bertanggungjawab atas kejadian lalu kerana yang menanggung akibatnya penduduk serta pengusaha di sini," katanya.